

**FAQ – OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG
AKAUNTAN GRED W29 (KUP)**

Bil.	FAQ	ULASAN JANM
1.	Adakah Pembantu Akauntan Gred W19 yang pernah memohon pertukaran perlu menghantar permohonan semula setelah pegawai menerima opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29?	<p>Pegawai perlu menghantar semula permohonan pertukaran ke JANM atas jawatan terkini pegawai iaitu Penolong Akauntan Gred W29 (KUP).</p> <p>Borang permohonan pertukaran boleh didapati di Portal Web Rasmi JANM.</p>
2.	Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan surat kelulusan tukar lantik kepada pegawai yang menerima opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29?	<p>Ketua Jabatan adalah pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan surat kelulusan tukar lantik pegawai ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 selaras dengan surat perwakilan kuasa yang telah dikeluarkan oleh SPA bernombor rujukan SPA(S)KT/015/102/(3) bertarikh 9 Mei 2016.</p>
3.	Adakah Ketua Jabatan perlu mengeluarkan surat kelulusan tukar lantik kepada pegawai yang setuju menerima opsyen untuk terus ditukar lantik atau perlu hantar bersekali dengan pegawai yang menunggu TBBK?	<p>Ketua Jabatan perlu mengeluarkan surat kelulusan tukar lantik kepada pegawai yang setuju untuk terus ditukar lantik.</p> <p>Bagi pegawai yang menunggu TBBK, Ketua Jabatan perlu mengeluarkan surat kelulusan tukar lantik sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara TBBK.</p>
4.	Bolehkah Penolong Akauntan Gred W29 KUP menjadi peraku; dan adakah perlu surat penurunan kuasa bagi sebarang tugas tambahan yang diberikan oleh Ketua Jabatan kepada Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)?	<p>Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) boleh menjadi peraku bergantung kepada Ketua Jabatan. Dari segi surat penurunan kuasa, ia bergantung kepada tugas yang diberikan oleh Ketua Jabatan. Jika tugas tambahan yang diberikan memerlukan penurunan kuasa, Ketua Jabatan perlu memohon kepada Pihak Berkuasa Melulus dengan menyatakan secara jelas tambahan tugas kepada pegawai atau perjawatan pegawai.</p> <p>Sekiranya diluluskan, Ketua Jabatan perlu mengeluarkan surat penurunan kuasa kepada pegawai bagi pegawai melaksanakan tugas tambahan yang diberikan.</p> <p>Cadangan tugas tambahan bagi Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) boleh dimuat turun di Laman Web JANM.</p>

5.	Siapakah pegawai yang akan menilai LNPT Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)?	Pegawai yang menilai LNPT pegawai masih mengikut aliran kerja di penempatan pegawai.
6.	Bolehkah Ketua Jabatan memberikan tambahan kerja kepada Penolong Akauntan Gred W29 KUP?	Boleh. Ketua Jabatan mempunyai kuasa untuk memberikan tugas tambahan kepada pegawai asalkan masih mengikut aliran penyedia, penyemak dan peraku sedia ada seperti sebelum berkuat kuasanya Rasionalisasi Skim Perkhidmatan. Walaubagaimanapun, tambahan tugas tersebut dinasihatkan agar tambahan tersebut dilakukan dari segi kompleksiti selaku Penolong Akauntan dan bukannya tambahan dari segi bebanan skop tugas semata-mata.
7.	Bagaimana sekiranya pegawai yang menerima opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29: i) belum menduduki sebarang peperiksaan; atau ii) pegawai pernah menduduki peperiksaan pertama tetapi gagal; atau iii) pegawai telah lulus salah satu peperiksaan?	(i) Pegawai perlu menduduki peperiksaan atas jawatan Penolong Akauntan Gred W9; (ii) Pegawai perlu menduduki semua peperiksaan di jawatan Penolong Akauntan Gred W29; (iii) Pegawai perlu menduduki peperiksaan yang belum di ambil semasa di perjawatan lama. Contoh : Subjek Jabatan Penolong Akauntan dan Perlembagaan Undang-undang.
8.	Bagaimana sekiranya pegawai belum pernah menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) semasa pegawai di perjawatan lama sebelum pegawai menerima opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29?	Pegawai perlu menghadiri PTM atas perjawatan sebagai Penolong Akauntan Gred W29 bagi membolehkan pegawai disahkan ke Jawatan Penolong Akauntan Gred W29.
9.	Apabila Pembantu Akauntan Gred W19 atau Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 yang sebelum ini peranannya sebagai penyedia dan pegawai tersebut telah menerima opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, adakah perlu dikemaskini jawatannya ke dalam sistem (contohnya sistem eSPKB atau HRMIS)?	Maklumat perjawatan pegawai perlu dikemaskini mengikut Waran Perjawatan (berdasarkan jawatan hakiki) yang berkuatkuasa.

10.	<p>Dari segi pelaksanaan pembayaran gaji pegawai yang menerima opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 mengikut JGMM yang baru berkuatkuasa pada 1 Julai 2016 selaras dengan pelaksanaan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan, terdapat sebahagian Jabatan menunggu surat kelulusan tukar lantik bagi melaksanakan pembayaran. Adakah perlu bagi Jabatan menunggu surat kelulusan tukar lantik atau pembayaran boleh terus dilaksanakan tanpa surat kelulusan tukar lantik tersebut?</p>	<p>Pembayaran gaji di jawatan tukar lantik pegawai boleh dilaksanakan setelah gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu perlu menunggu surat kelulusan tukar lantik.</p> <p>Surat pertukaran pelantikan tersebut merupakan tanggungjawab Ketua Jabatan.</p>
11.	<p>Bagi pegawai yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, tarikh manakah yang akan di ambil kira untuk urusan kenaikan pangkat?</p>	<p>Tarikh pegawai ditukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29</p>
12.	<p>Bagi pegawai yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, Kelayakan Bayaran Wad (KBW) manakah yang akan diambil kira?</p>	<p>KBW pegawai adalah mengikut jawatan yang disandang oleh pegawai. Bagi pegawai yang ditukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, pegawai perlu mendapat surat kelulusan tukar lantik dahulu bagi membolehkan pegawai mendapat KBW atas jawatan Penolong Akauntan Gred W29.</p>
13.	<p>Bagi pegawai yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, bagaimanakah dari segi paparan nama dan jawatan di atas cop nama pegawai?</p>	<p>Cadangan JANM: Asmah binti Harun Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)</p>

14.	Kadar tuntutan perjalanan manakah yang akan di ambil kira bagi pegawai yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)?	Kadar tuntutan perjalanan Penolong Akauntan Gred W29
15.	Jika terdapat kekosongan gred W29 dimana-mana tempat, adakah kami boleh memohon untuk mengisi penempatan tersebut dan bagaimana cara untuk membuat permohonan?	<p>Pengisian di Gred W29 akan dibuat berdasarkan permohonan pertukaran yang telah diterima oleh JANM.</p> <p>Sekiranya ingin memohon jawatan hakiki W29, pegawai boleh mengisi borang permohonan pertukaran yang boleh dimuat turun melalui laman web JANM.</p>
16.	Berapakah anggaran jangka masa perjawatan untuk kami akan diwujudkan?	<p>Pengwujudan jawatan merupakan tanggungjawab Ketua Jabatan dan bukannya tanggungjawab Ketua Perkhidmatan.</p> <p>Ketua Perkhidmatan bertanggungjawab bagi membekalkan pegawai selaras dengan waran perjawatan setiap jabatan.</p>
17.	Untuk kenaikan pangkat ke W32, adakah rekod perkhidmatan semasa PT Kew W17 diambil kira? Contoh seperti cuti tanpa gaji, cuti menjaga anak dan cuti separuh gaji.	Bagi urusan kenaikan pangkat ke Gred W32, rekod perkhidmatan semasa di jawatan terdahulu tidak diambil kira.
18.	Sekiranya pegawai yang dilantik ke gred W29 mempunyai rekod kesalahan tatatertib, apakah kesan atau tindakan terhadap pertukaran pelantikan tersebut?	<p>Merujuk kepada Para 36.3 dan 36.4 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (PP1/2016), tawaran opsyen ini hendaklah diberi kepada mereka yang sedang dalam proses tindakan tatatertib dan sedang menjalani hukuman tatatertib.</p> <p>Manakala merujuk kepada Para 63.2 dalam PP1/2016, pemberian penambahbaikan JGMM ini tidak melibatkan pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuatkuasa pada atau sebelum 1 Julai 2016.</p>

19.	Bilakah pegawai yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 akan mendapat surat pelantikan jawatan / surat kelulusan pertukaran pelantikan dari JANM?	Surat pertukaran pelantikan merupakan tanggungjawab Ketua Jabatan, bukannya Ketua Perkhidmatan.
20.	Perluakah Surat Aku Janji sebagai Penolong Akauntan W29 (KUP) ditandatangani semula?	Surat Aku Janji hanya perlu ditandatangani sekali sahaja sepanjang dalam perkhidmatan.
21.	Bagi pegawai yang telah melepasi gaji permulaan gred W29, adakah tangga gaji tersebut akan dikaji semula? Ini kerana pada masa pemilihan opsyen ke gred W29, gaji yang ditawarkan adalah sama seperti di gred asal (W19), tetapi bidang tugas telah ditambah serta elaun BITK ditarik balik. Malah ada pegawai yang jumlah pendapatan telah berkurang daripada di gred W19.	Tangga gaji telah disemak oleh JPA. Walaupun gaji ditawarkan sama, jumlah kenaikan gaji tahunan telah meningkat. Sekiranya jumlah pendapatan berkurang, ianya hanya pada tahun pertama sahaja kerana pada tahun-tahun seterusnya, pegawai menikmati kenaikan gaji di gred W29. Kenaikan gaji W19-RM100 Kenaikan gaji W29-RM145
22.	Pegawai yang telah berkhidmat 10 tahun (W19) yang telah mendapat cuti 25 hari, adakah kekal 25 hari ataupun menjadi 30 hari di gred baru (W29)?	Merujuk kepada Para 16 di Lampiran C1B, kelayakan cuti rehat tahunan pegawai di jawatan tukar lantik dikekalkan mengikut kelayakan cuti rehat di jawatan asal atau di jawatan tukar lantik, mana yang lebih tinggi.
23.	Jika saya melaksanakan tugas-tugas pentadbiran di jabatan sekarang selama 3 tahun dan tidak berpeluang untuk tukar ke unit yang menjalankan kerja-kerja kewangan, apakah implikasi ke atas kerjaya saya sebagai W29 di masa akan datang?	Tiada implikasi secara langsung.

24.	Adakah selepas 3 tahun menjawat jawatan W29 (KUP), pegawai akan terus dilantik ke jawatan W32?	Pemangkuan / pengisian ke jawatan Gred W32 adalah berdasarkan kekosongan dan kekananan. Iklan pemangkuan ke Gred W32 akan dibuka dari semasa ke semasa. Bagi Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) yang telah mencukupi syarat yang telah ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan boleh memohon untuk memangku ke Gred W32.
25.	Adakah pertukaran pelantikan ini bergantung kepada peratusan SKT dan bagaimana jika peratusan SKT bawah 80% (sedangkan ia dinilai dari segi ketidakpuasan hati pihak atasan dan bukan dari segi kecemerlangan kerja individu tersebut).	Urusan tukar lantik ini tidak melibatkan markah LNPT yang terdahulu.
26.	Siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan surat pengesahan di jawatan Penolong Akauntan Gred W29? Hal ini adalah kerana saya masih belum mendapat cuti di jawatan Penolong Akauntan Gred W29 atas alasan belum mendapat surat pengesahan di jawatan Penolong Akauntan Gred W29.	Ketua Jabatan bertanggungjawab bagi mengeluarkan surat pengesahan di jawatan Penolong Akauntan Gred W29.
27.	Apakah tarikh kekananan bagi pegawai yang terlibat dengan opsyen pertukaran pelantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29? Adakah berdasarkan tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan atau berdasarkan tarikh kuatkuasa pegawai ditempatkan secara hakiki sebagai Penolong Akauntan Gred W29?	1 Julai 2016 bagi pegawai yang memilih untuk terus tukar lantik. Bagi pegawai yang memilih untuk menunggu TBBK, tarikh kekananan adalah sehari selepas tarikh diluluskan TBBK.

<p>28.</p>	<p>Bolehkan Ketua Jabatan melaksanakan pusingan kerja dalaman bagi Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)?</p> <p>Contohnya, Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) di perjawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 di Bahagian Pemantauan ditukarkan secara dalaman ke Bahagian Kewangan di perjawatan Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19/W22/W26?</p>	<p>Ketua Jabatan boleh membuat permohonan kepada pihak JPA untuk membuat pusingan kerja ke atas Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) di atas jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 secara dalaman dan seterusnya memaklumkan kepada pihak JANM.</p>
<p>29.</p>	<p>Bolehkah sekiranya Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) di perjawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 melaksanakan penanggungungan kerja perjawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 atau Gred W26 yang kosong?</p>	<p>Boleh dengan syarat jawatan yang ditanggung tidak menyelia jawatan yang ditanggung (tiada hubungan taraf tinggi rendah).</p>
<p>30.</p>	<p>Bolehkah sekiranya Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) memohon untuk mendapatkan BITK?</p>	<p>Merujuk kepada Para 3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999, kelayakan untuk BITK adalah kepada PT (P/O) dan Pembantu Akauntan yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa. Manakala merujuk kepada Para 4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2001 menjelaskan bahawa BITK dipanjangkan kepada skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah dari PT (P/O), Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa.</p>